

Kaedah Pengajaran Berkesan : Antara Keperluan Pelajar dan Realiti Pengajaran Pengajian Jarak Jauh

INTAN SAFINAS MOHD ARIFF ALBAKRI¹,
FAZILAH IDRIS², MAZNAH IBRAHIM², ALAWIAH
IBRAHIM³

ABSTRACT


The Distance Learning program of Universiti Kebangsaan Malaysia has successfully produced graduates from multiple disciplines since it was established in 1994. The program's establishment has given a great number of individuals, who are working, the opportunity to pursue their studies at a higher level. The Distance Learning program emphasized on two most important components that are teaching and learning. Therefore, this research is conducted to gather the students' perspectives on the effective teaching techniques used by lecturers teaching the program. 158 respondents who are the Distance Learning program's students studying in Bangi campus participated in answering the questionnaire. Besides that, this research also focuses on identifying the popular techniques used by the lecturers and its relationship with the effective teaching techniques highlighted by the students. Last but not least, this research also discusses the relationship between ethnicity and the outlined teaching techniques.



PENDAHULUAN

Pendidikan adalah untuk semua, tidak kira untuk siapa, bila, di mana dan bagaimana dijalankan (Yusuf & Sharifah, 1990). Sehubungan itu, adalah menjadi satu tanggungjawab setiap institusi pendidikan tinggi untuk memberi peluang yang adil dan saksama kepada individu yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Justeru, program seperti program Pengajian Jarak Jauh (PJJ) memainkan peranan yang






penting dalam memberi satu alternatif kepada individu yang mempunyai kekangan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti. Disamping itu, program PJJ juga memberi pendedahan kepada individu yang ingin melanjutkan pelajaran kepada teknik pengajaran dan pembelajaran yang bertunggakkan tenaga pengajar yang bertaraf profesional. Selain dari itu Program PJJ juga merintas jalan ke arah pendemokrasian pendidikan di mana setiap individu berpeluang untuk menuntut ilmu serta pembelajaran yang tidak hany sampai ke satu tahap tertentu malah sepanjang hayat.

KAJIAN LITERATUR

Pengajian Jarak Jauh (PJJ) boleh ditakrifkan sebagai satu sistem pengantaraan yang menghubungkan pelajar dengan sumber-sumber pembelajaran. Ianya merupakan satu laluan alternatif bagi pelajar yang ingin memajukan diri mereka ke tahap yang lebih tinggi. Ini adalah bertepatan dengan seruan kerajaan dalam merealisasikan sebuah negara membangun pada tahun 2020. Ini bermakna rakyat mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran melalui program PJJ selaras dengan dasar pendemokrasian pendidikan.

Dalam hal ini, program pendidikan jarak jauh seperti PJJ memainkan peranan penting kerana program ini memberi satu alternatif kepada individu yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi mengikut saluran biasa. Justeru, program PJJ perlu mengenal pasti strategi pengajaran yang berkesan yang mampu meningkatkan mutu pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar PJJ.

Thorndike dalam Elliot, et al. (2000) telah mengetengahkan teori pembelajaran di mana setiap pengajaran dan pembelajaran adalah saling berkait rapat dengan rangsangan dan tindakbalas terhadap rangsangan tersebut. Beliau juga menjelaskan bahawa tindakbalas positif terhadap sesuatu rangsangan akan memberi satu hasil yang baik dalam peroses pengajaran dan pembelajaran. Beliau menegaskan bahawa pembelajaran akan lebih efektif dan akan lebih diingati jika diajar dalam suasana yang sesuai dengan kehendak pelajar. Oleh itu, beliau menyatakan bahawa suatu pengajaran yang efektif bermula dengan pengetahuan tentang apa




yang hendak diajar atau disampaikan dan disertai dengan rangsangan yang sesuai.

Teori pembelajaran Thorndike telah dikembangkan dengan lebih lanjut oleh B.F. Skinner dalam tahun 1904 hingga 1990. Skinner dalam Elliot et al. (2000) menyatakan aspek utama dalam pembelajaran adalah pengukuhan yang memberi rangsangan kepada pelajar. Sesuatu pengukuhan yang positif akan meningkatkan tindakbalas positif dalam sesuatu keadaan. Beliau menjelaskan bahawa seorang guru perlu perihatin dalam menggunakan ciri-ciri pengukuhan di dalam kelas bagi meningkatkan proses pembelajaran. Seorang guru perlulah kreatif mencari kaedah bagi menimbulkan tindakbalas positif untuk menarik minat pelajar seperti menjalankan aktiviti atau memilih bahan bantu mengajar yang sesuai. Skinner juga menekankan penggunaan alat bantu mengajar seperti komputer kerana beliau berpendapat bahawa penggunaan alat bantu mengajar tersebut dapat meningkatkan minat dan motivasi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Penyelidik seperti Heinich et al. (2002) telah menyediakan satu model panduan merancang dan mengendalikan pengajaran yang memerlukan penggunaan media. Model ini dipanggil Model ASSURE. Ia mengandungi enam langkah iaitu; Analisis Pelajar, Pernyataan Objektif, Pilihan kaedah dan media, Penggunaan media dan bahan, Dorongan penglibatan pelajar dan Nilai dan semak. Ramai pengajar berpendapat bahawa Model ASSURE merupakan satu model rekabentuk pengajaran yang sesuai digunakan dalam situasi pengajaran bilik darjah yang memerlukan penggunaan media.

Selain itu, Qasim (1998) menyatakan sesuatu sistem pengajaran dan pembelajaran itu perlulah diaplikasikan di dalam konteks yang menyeluruh. Pemilihan strategi pengajaran yang sesuai adalah penting jika pengajar ingin membantu pelajarnya mencapai objektif-objektif pengajarannya (Ee Ah Meng, 1992). Disamping itu, Qasim (1998) juga menyarankan bahawa strategi pengajaran yang pelbagai merupakan satu elemen yang penting bagi menyesuaikan padankan dengan keadaan setiap individu yang datang untuk menimba ilmu pengetahuan di institusi pengajian tersebut.




Menurut Karsono (1993), penghasilan modul yang terancang, sistematik dan cara ia digunakan oleh pensyarah masih menjadi perkara yang terpenting dalam menjadikan sesuatu program pendidikan jarak jauh sebagai satu program yang efektif. Modul yang baik perlulah ada unsur sentuhan kemanusiaan (human touch) seperti gaya penulisan yang menarik, ringkas, lucu tetapi membimbing. Tambahnya lagi, unsur – unsur interaktif dalam modul–modul seperti ini boleh menjadikannya sebagai alat pengajaran yang berkesan.

Selain dari itu, pendekatan penggunaan teknologi komunikasi perlu dioptimumkan penggunaannya bagi memantapkan strategi pengajaran yang berkesan dalam program PJJ. Laurillard (1993) menekankan bahawa aktiviti–aktiviti pengajaran dan pembelajaran hendaklah sentiasa diperbaharui dan diperbaiki selari dengan perkembangan teknik pengajaran dan pembelajaran terkini. Beliau menyarankan agar pensyarah melengkapkan diri dengan mempelajari dan menguasai teknik - teknik pengajaran kontemporari yang lebih menjurus kepada penggunaan media dan teknologi. Pendekatan ini disokong oleh Bates (1984) yang menyatakan bahawa penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat memperluaskan skop pengajaran, meningkatkan kualiti pengajaran serta mengurangkan kos. Ia juga memberi peluang kepada pelajar untuk menguasai pembelajaran mereka dan menggalakkan interaksi dan maklumbalas daripada pelajar.

Hasil kajian tentang strategi pengajaran berkesan menurut perspektif pelajar, dapat menambah maklumat tentang strategi pengajaran berkesan dalam program PJJ. Rashidi Azizan dan Abdul Razak (1996) telah menggariskan beberapa kriteria utama dalam menentukan keberkesanannya proses pengajaran dan pembelajaran. Antara kriteria tersebut adalah:

- (a) Pensyarah perlu mengenalpasti objektif pengajaran dan memastikan objektif tersebut tercapai. Objektif pengajaran yang kabur akan menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, pensyarah tidak akan dapat menguruskan masa dengan cekap dan berkesan.
- (b) Pensyarah harus menyampaikan isi pengajaran dengan tersusun dan lancar. Serta bermula daripada konsep-konsep asas, penggunaan




contoh – contoh yang tepat dan sesuai, penerangan yang jelas dan laras bahasa yang ringkas dan senang difahami pelajar.

- (c) Pensyarah harus memastikan pelajar dapat mendengar dengan jelas di samping pertuturan pensyarah mesti terang dan fasih. Ini banyak bergantung kepada intonasi atau penekanan suara yang betul. Untuk memperkuatkannya lagi mesej yang disampaikan, pensyarah boleh menggunakan perubahan mimik muka serta penggunaan gestur.
- (d) Pensyarah juga harus mengoptimumkan penggunaan alat bantu mengajar (ABM). ABM merupakan tambahan kepada penyampaian isi pengajaran secara lisan dan dapat membantu pelajar memahaminya.
- (e) Selain itu, pensyarah harus menggunakan kaedah pengajaran yang berpusatkan pelajar kerana pelajar harus dibimbang menggunakan dan memperkembangkan potensi mereka secara maksimum untuk mendapatkan pengetahuan serta kemahiran.
- (f) Pensyarah perlu tahu bahawa penilaian bagi proses pengajaran dan pembelajaran merupakan satu proses yang berterusan dan juga proses dua hala.

Berdasarkan kriteria pengajaran dan pembelajaran berkesan tersebut, pensyarah secara sedar atau tidak, hendaklah sentiasa mempamirkan sikap dan sifat yang positif. Kualiti–kualiti negatif akan hanya menjelaskan persepsi dan harapan pelajar terhadap pengajar mereka.

Kajian yang dijalankan Saroyan dan Snell (1997) menunjukkan pengajaran berkesan sebenarnya bergantung kepada banyak faktor, termasuk latarbelakang falsafah dan pendidikan seseorang pengajar, pengetahuan tentang pedagogi, bahan–bahan pengajaran yang sedia ada dan keadaan persekitaran yang kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran. Miller dan Tilstone (1998) menyatakan bahawa dalam program PJJ, sistem pengajaran yang fleksibel perlu untuk meringankan beban masa dan tekanan yang dialami pelajar–pelajar ini. Kimber dan Wang (2000) pula berpendapat bahawa keberkesaan sesuatu pengajaran itu berkait rapat dengan cara pembelajaran pelajar itu sendiri.






Walaupun didapati pelbagai kajian tentang strategi pengajaran berkesan dari luar negara namun hasil dapatan kajian tempatan tentang isu ini masih kurang diperdebatkan. Dengan adanya jurang ini, diharapkan dapatan kajian ini dapat memenuhi satu keperluan strategi pengajaran berkesan dalam program PJJ.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Program PJJ merupakan satu program yang telah berkembang pesat di Malaysia selari dengan perkembangannya di Eropah dan negara maju yang lain. Penubuhan program ini adalah berlandaskan fahaman bahawa setiap individu harus diberi peluang untuk memajukan diri melalui pelajaran dan latihan bagi memenuhi keperluan pendidikannya dan masyarakat. Oleh sebab itu, beberapa universiti tempatan di Malaysia telah mengorak langkah membuka program PJJ bagi menyahut cabaran tersebut. Antaranya ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). PJJ UKM telah berusia enam tahun dan telah pun menghasil beberapa sesi graduan dalam pelbagai bidang pengajian. Selaras dengan perkembangannya, PJJ UKM telah melalui pelbagai perubahan dan perkembangan terutamanya dari segi kaedah pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan itu, kajian ini telah dijalankan bagi mengumpul maklumat tentang kaedah pengajaran yang berkesan, khususnya bagi pelajar PJJ UKM. Dapatkan kajian ini diharap dapat membantu pensyarah meningkatkan kualiti pengajaran dengan berpandukan kepada kaedah pengajaran berkesan menurut persepsi pelajar. Seterusnya prestasi pelajar akan dapat diperbaiki dan dipertingkatkan sehingga melahirkan generasi pelajar yang berkualiti dan bertaraf dunia.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kaedah pengajaran berkesan mengikut perspektif pelajar PJJ UKM. Selain itu, kajian ini juga dilaksanakan bagi melihat kaedah pengajaran berkesan dan popular dikalangan tenaga akademik PJJ UKM. Disamping itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat perkaitan antara kaedah pengajaran dengan faktor etnik. Soalan-soalan kajian disenaraikan seperti berikut.



PERSOALAN KAJIAN


- (a) Apakah kaedah pengajaran yang dianggap berkesan oleh pelajar PJJ UKM ?
- (b) Apakah kaedah pengajaran yang popular di kalangan tenaga akademik PJJ UKM ?
- (c) Adakah terdapat hubungan antara kaedah yang dianggap berkesan oleh pelajar dengan kaedah yang popular di kalangan tenaga akademik PJJ UKM.
- (d) Adakah terdapat hubungan antara kaedah pengajaran popular dengan etnik pelajar.?

METODOLOGI KAJIAN

Sampel kajian ini adalah terdiri daripada 158 orang pelajar yang mengikuti pengajian di PJJ Pusat Wilayah UKM- Bangi. Alat kajian ini terdiri daripada dua set soal-selidik iaitu (a) soal selidik bagi mendapat maklumat peribadi pelajar dan (b) soal selidik bagi mendapat respon pelajar. Satu set soal selidik diedarkan kepada pelajar semasa pelajar menghadiri kuliah di Pusat Wilayah UKM- Bangi. Mereka diberi penerangan cara menjawab soal selidik tersebut dan diberi masa selama 20 minit untuk menjawabnya. Kemudian penyelidik terus memungut soal selidik tersebut agar kesahihannya terjamin.

HASIL KAJIAN

Data daripada 158 soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan peratus dan analisis khi kuasa dua (c^2). Dapatan kajian diharap dapat membantu pensyarah meningkatkan kualiti pengajaran dengan berpandukan kaedah pengajaran berkesan dan popular dari persepsi pelajar. Seterusnya, prestasi pelajar akan dapat dipertingkatkan sehingga melahirkan graduan yang berkualiti.


**a) Kaedah pengajaran berkesan dari perspektif pelajar**

Kaedah pengajaran yang berkesan merupakan tonggak kejayaan seseorang pelajar. Jika pelajar merasakan kaedah pengajaran yang diterima adalah berkesan maka ini akan secara tidak langsung mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Jadual 1.1 akan menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan kaedah pengajaran berkesan menurut persepsi pelajar.

JADUAL 1.1 Frekuensi dan peratusan kaedah pengajaran berkesan di kalangan pelajar

| Strategi Pengajaran | Frekuensi | Peratus |
|---------------------|-----------|---------|
| Bahan cetak | 150 | 99.4% |
| Nota Ringkas | 144 | 97.3% |
| Penggunaan ABM | 135 | 95.1% |
| Tutoran | 138 | 92.0% |
| Syarahan | 136 | 91.3% |
| Latihan dalam kelas | 100 | 90.6% |
| E-mel | 125 | 84.4% |
| Aktiviti Kumpulan | 123 | 80.9% |

Berdasarkan Jadual 1.1 dapatlah disimpulkan bahawa hampir keseluruhan pelajar PJJ UKM, iaitu 97.4%, berpendapat penggunaan bahan cetak adalah berkesan dalam membantu proses pembelajaran mereka. Contoh bahan cetak tersebut adalah modul dan bahan-bahan dari jurnal dan makalah. Selain itu, sebilangan besar pelajar PJJ UKM, berpendapat bahawa nota ringkas (97.3%) serta penggunaan ABM (95.5%) turut menyumbang ke arah kecemerlangan akademik mereka. Seterusnya, pelajar bersetuju bahawa kaedah tutoran (91.3%), kaedah syarahan (91.3%) dan kaedah latihan dalam kelas (90.6%) juga adalah berkesan. Sementara kaedah e-mel (84.4%) dan aktiviti kumpulan (80.9%) juga agak berkesan. Penyelidik berpendapat bahawa kaedah e-mel kurang digunakan pelajar kerana mereka kurang mempunyai pengetahuan dan kemahiran tentangnya serta tiada peralatannya atau prasarannya.



Manakala aktiviti kumpulan pula kurang digunakan kerana pelajar tinggal berjauhan antara satu sama lain dan sukar untuk berjumpa bagi tujuan perbincangan dan sebagainya.


b) Perkaitan antara kaedah pengajaran berkesan dan kaedah pengajaran popular di kalangan tenaga akademik PJJ

Pelajar PJJ UKM telah didedahkan dengan pelbagai kaedah pengajaran dan merekalah yang menentukan sama ada kaedah yang digunakan membantu pembelajaran mereka. Justeru, tidak dapat ditentukan sama ada kaedah yang diterima adalah berkesan dalam membantu pembelajaran mereka. Oleh itu, seseorang tenaga pengajar itu perlu perihatin tentang penggunaan kaedah tersebut. Jadual 1.2 berikut peratusan dan kekerapan setiap kaedah pengajaran yang pernah diterima oleh pelajar PJJ UKM.

JADUAL 1.2 Peratusan dan kekerapan kaedah pengajaran popular

| Kaedah | Ya |
|--------------------------------|-------------|
| Kaedah menggunakan ABM | 91.8% (146) |
| Kaedah Syarahan | 83.6% (133) |
| Kaedah menggunakan Bahan Cetak | 76.7% (122) |
| Kaedah Tutoran | 54.1% (86) |
| Kaedah Nota Ringkas | 54.1% (86) |
| Kaedah menggunakan E-mel | 11.3% (18) |

Jadual 1.2, menunjukkan 91.8% pelajar PJJ UKM berpendapat mereka kerap menerima kaedah pengajaran menggunakan ABM seperti OHP. Manakala 83.6% merasakan kaedah syarahan merupakan kaedah kedua paling kerap diterima. Selain dari itu, 76.7% pelajar menyatakan kaedah menggunakan bahan cetak telah diterima sepanjang pengajian. Ini diikuti dengan kaedah tutoran




(54.1%) dan nota ringkas(54.1%). Kekerapan penggunaan kaedah e-mail pula didapati hanyalah 11.3% sahaja.

Berdasarkan keputusan peratus kekerapan yang dibincangkan, dapatlah disimpulkan bahawa di Pusat Wilayah UKM-Bangi, pelajar paling kerap menerima kaedah menggunakan ABM seperti OHP dan juga kaedah syarahan berbanding kaedah-kaedah lain. Kaedah menggunakan nota ringkas dan kaedah tutoran didapati agak kurang popular di kalangan tenaga pengajar PJJ UKM. Manakala kaedah e-mel pula paling kurang digunakan.


Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat sedikit perbezaan antara kaedah pengajaran yang dianggap berkesan oleh pelajar PJJ UKM dan kaedah yang kerap digunakan oleh tenaga pengajar PJJ UKM. Menurut data kajian kaedah pengajaran menggunakan nota ringkas kurang popular di kalangan tenaga pengajar PJJ sedangkan kaedah tersebut dilabelkan amat berkesan oleh pelajar PJJ UKM dalam membantu pembelajaran mereka. Pelajar juga merasakan kaedah e-mel dapat membantu pembelajaran mereka tetapi kaedah tersebut amat kurang penggunaannya di kalangan tenaga akademik PJJ.

Dapatan analisis ini menunjukkan terdapat sedikit ketidakseimbangan antara keperluan pelajar PJJ UKM dan kaedah yang digunakan oleh tenaga pengajar PJJ UKM. Fenomena ini perlu diberi perhatian kerana proses pengajaran dan pembelajaran adalah saling berkaitan antara satu sama lain. Kecemerlangan seseorang pelajar itu bergantung kepada input yang diterima. Oleh itu tenaga pengajar PJJ UKM perlu lebih perihatin dalam memilih kaedah pengajaran agar kaedah tersebut akan membawakan hasil yang optimum. Pendapat pelajar perlu diambil kira kerana mereka merupakan klien dalam arena pendidikan jarak jauh. Justeru itu, perlulah ada tolak ansur dan modifikasi yang bersesuaian dengan keperluan dan kehendak pelajar.

**c) Hubungan di antara etnik dengan kaedah pengajaran berkesan**

JADUAL 1.3 Analisis χ^2 hubungan antara etnik pelajar dengan kaedah pengajaran.

| | | Bangsa | | | | χ^2 | p |
|----------------------------|--------------|---------------|---------------|---------------|----------------|----------|----------|
| | | Melayu | Cina | India | Jumlah | | |
| Teknik syarahan | Setuju | 75 (92.6%) | 51 (87.9%) | 9 (100%) | 136 (91.3%) | 1.947 | Tdk. sig |
| | Tidak setuju | 6 (7.4%) | 7 (12.1%) | | 13 (8.7%) | | |
| Teknik Tutoran | Setuju | 79 (96.3%) | 51 (89.5%) | 8 (88.9%) | 136 (92.6%) | 15.216 | Sig. |
| | Tidak Setuju | 3 (3.7%) | 6 (10.5%) | 1 (11.1%) | 11 (7.4%) | | |
| Teknik Latihan dalam kelas | Setuju | 72 (91.1%) | 51 (89.5%) | 11 (100%) | 134 (90.5%) | 10.829 | Sig |
| | Tidak setuju | 7 (8.9%) | 6 (10.5%) | | 14 (9.5%) | | |
| Teknik E-mel | Setuju | 72 (91.1%) | 44 (79.2%) | 9 (81.8%) | 125 (84.5%) | 10.472 | Sig |
| | Tidak setuju | 7 (8.9%) | 13 (22.8%) | 2 (18.2%) | 23 (15.5%) | | |
| Teknik Aktiviti Kumpulan | Setuju | 71 (87.7%) | 41 (69.5%) | 10 (90.9%) | 123 (80.9%) | 8.317 | Sig |
| | Tidak setuju | 10 (12.3%) | 18 (30.5%) | 1 (9.1%) | 29 (19.1%) | | |



UKM mempunyai pelajar yang terdiri daripada pelbagai etnik. Setiap etnik mempunyai kaedah pengajaran yang mereka suka. Daripada kajian yang dijalankan, semua etnik secara keseluruhan bersetuju bahawa kaedah pengajaran seperti penggunaan ABM, bahan cetak, tutoran, syarahan, aktiviti kumpulan dan latihan dalam kelas adalah penting dalam pembelajaran mereka.


Jadual 1.3 menunjukkan analisis c^2 bagi perkaitan etnik dengan kaedah pengajaran berkesan. Jika dilihat dari sudut kaedah pengajaran secara spesifik, kajian menunjukkan terdapat hubungan ($p < 0.05$) antara etnik dengan kaedah tutoran. Keputusan menunjukkan pelajar Melayu (96.3%) paling menyukai kaedah ini dan menganggapnya satu kaedah yang berkesan. Ini diikuti dengan pelajar Cina (89.5%) dan pelajar India (88.9%). Dapatan kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan antara etnik dengan kaedah pengajaran berbentuk latihan dalam kelas. Peratusan paling tinggi adalah bagi pelajar India, iaitu 100%. Mereka berpendapat latihan dalam kelas banyak membantu dalam pembelajaran mereka. Seramai 91.1% orang pelajar Melayu juga mengatakan latihan dalam kelas merupakan satu kaedah pengajaran yang berkesan. Bagi pelajar Cina pula, seramai 89.5% pelajar bersetuju dengan kaedah ini.



Selain daripada dua kaedah yang telah disebutkan tadi, terdapat hubungan antara etnik dengan kaedah pengajaran menggunakan e-mel. Kajian mendapati pelajar Melayu (91.1%) mempunyai peratusan paling tinggi bersetuju dengan penggunaan e-mel berbanding pelajar India (81.8%) dan pelajar Cina (77.2%). Pelajar mungkin menyenangi kaedah pengajaran ini kerana ia mudah dan cepat dan memudahkan pelajar berhubung dengan pensyarah. Keputusan yang sama juga ditunjukkan dengan kaedah aktiviti kumpulan. Dapatan kajian mendapati pelajar Cina paling rendah peratusan yang menyukai kaedah ini iaitu 69.5% berbanding dengan bangsa Melayu (87.7%) dan India (90.9%). Ini mungkin disebabkan pelajar Cina kurang berminat membuat aktiviti kumpulan kecil dan mereka lebih selesa membuat kerja secara individu.

Bagi kaedah syarahan, didapati tiada hubungan antara etnik dengan kaedah tersebut. Didapati hampir kesemua responden bersetuju dengan kaedah tersebut .






Hasil perbincangan ini menunjukkan setiap etnik secara umumnya bersetuju bahawa kaedah pengajaran yang dibincangkan adalah berkesan dalam meningkatkan prestasi pembelajaran mereka. Namun demikian, perbezaan peratusan bersetuju setiap etnik menunjukkan pilihan masing – masing terhadap kaedah tertentu. Oleh itu, pengajar seharusnya lebih peka terhadap sesuatu kaedah pengajaran yang digunakan.

d) Cadangan pelajar PJJ UKM tentang kaedah pengajaran berkesan

Hasil daripada kajian yang telah dilakukan, berikut adalah cadangan kaedah pengajaran berkesan yang dikemukakan oleh pelajar PJJ UKM di Pusat Wilayah UKM, Bangi.

- (a) Pelajar mencadangkan agar modul dikemas kini dari segi kualiti agar lebih bercirikan pembelajaran kendiri. Pelajar juga mohon agar modul dielektronikkan (laman sesawang) agar lebih mudah untuk diperolehi. Ini akan menjimatkan masa pelajar dan pelajar boleh memperolehnya pada bila-bila masa.
- (b) Pelajar juga mencadangkan agar pengajar PJJ UKM mempertingkatkan teknik pengajaran mereka. Pengajar PJJ UKM disarankan agar menggunakan integrasi teknik pengajaran tradisional dan kini sejajar dengan perkembangan IT masa kini.
- (c) Selain itu, pelajar juga berpendapat bilangan pertemuan setiap semester perlu ditambah. Ini disebabkan pelajar merasakan maklumat yang diterima hanya pada dua pertemuan sahaja tidak mencukupi dalam melengkapkan diri mereka dengan ilmu yang secukupnya.
- (d) Disamping itu, pelajar juga memohon agar soalan-soalan peperiksaan yang lepas dimasukkan ke dalam laman sesawang PJJ UKM. Ini akan memudahkan pelajar – pelajar untuk mencuba soalan-soalan peperiksaan yang lepas memandangkan kursus-kursus PJJ UKM kebanyakannya adalah berorientasikan peperiksaan.




KESIMPULAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Pengajian jarak jauh merupakan satu alternatif kepada mereka yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah. Pelajar-pelajar ini perlu mengharungi pelbagai dugaan dan rintangan, di samping banyak pengorbanan yang terpaksa dilakukan. Oleh itu, wajarlah PJJ amnya, dan pensyarah khususnya untuk mempersiapkan diri dengan kaedah pengajaran yang benar-benar berkesan, agar pelajar ini mendapat manfaat yang semaksimumnya. Kaedah pengajaran berkesan yang telah dikenalpasti keberkesanannya wajar diaplikasikan agar prestasi pelajar PJJ dapat dipertingkatkan. Disamping itu, pensyarah juga perlu perihatin dan mengambil kira latar belakang pelajar dari pelbagai bangsa dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, memandangkan program PJJ hanya menghadkan pertemuan kepada 2 – 4 kali setiap semester, maka pensyarah PJJ haruslah bersedia untuk membantu pelajar diluar waktu kelas. Ini boleh direalisasikan melalui telefon, e-mail dan sebagainya. Pensyarah PJJ juga perlulah mempelbagikan kaedah pengajaran dalam menyampaikan ilmu supaya ia lebih menarik minat pelajar. Adalah diharapkan matlamat UKM untuk menghasilkan masyarakat yang berilmu dan dinamis mampu di realisasikan melalui peningkatan dari segi kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan di PJJ UKM.

RUJUKAN

- Bates, A.W. (1984). Putting it together : Now and the future. In A.W. Bates (ed) *The Role of Technology in Distance Education*. London : Croom Helm.
- Ee Ah Meng. (1992). *Pedagogi : Satu Pengenalan*. Fajar Bakti : Petaling Jaya.
- Elliot, S.N., Kratochwill, T.R., Cook, J.L., & Travers, J.F. 2000. *Educational Psychology*. Ed. ke3. McGraw Hill Book Co : Singapore.
- Heinich, R., Molenda, M., Russell, J.D., & Smaldino, S.E. (2002). *Instructional media and technologies for learning*. Ed. ke7. Columbus: Merrill Prentice Hall.



- Karsono Ahmad Dasuki (1993). *Konsep dan sistem pendidikan Jarak Jauh*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia : Kuala Lumpur.
- Kember, David and Wong, Anthony (2000). Implications for evaluation from a study of students' perceptions of good and poor teaching. *Higher Education Journal*. **40**(1): (69-97).
- Laurillard, D. (1993). *Rethinking university teaching : A framework for the effective use of educational technology*. London : Routledge.
- Miller, C., Smith, C. & Tilstone, C. (1998). Professional development by Distance Education: Does distance lend enhancement?. *Cambridge Journal of Education*. Vol.**28**: No.2. University of Cambridge School of Education.
- Qasim Ahmad. (1998). Pengajaran dan pembelajaran : Komponen penting kurikulum, seminar kualiti pengajaran dan pembelajaran, sekolah dan pentadbiran social, Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu, Sabah.
- Rashid Azizan dan Abdul Razak Habib. (1995). *Pengajaran dalam bilik darjah : Kaedah dan strategi*. Masa Enterprise : Kajang.
- Saroyan, A dan Snell, L.D. (1997). Professional development by Distance Education: does distance lend enhancement?. *Cambridge Journal of Education*. Vol. **28**: No.2. University of Cambridge, School of Education.
- Watchel, H.K. (1998). Student evaluation of college teaching effectiveness: A brief review. *Assessment and Evaluation in Higher Education*. Vol. **23**: No.2. Carfax Publishing Ltd.
- Yusuf Hashim dan Sharifah Alwiah Alsagoff. (1990). *Pendidikan Jarak Jauh: Teori dan amalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur.